

# Selayangku Sayang



Buletin MPS | Percuma | Mei - Ogos 2008



## MAJLIS AKUAN LAFAZ TERIMA JAWATAN AHLI MAJLIS SESI 2008 - 2009

**M**ajlis Lafaz Akuan Terima Jawatan Ahli Majlis MPS Sesi 2008 - 2009 telah diadakan pada 10hb Julai 2008. Ianya menampilkan muka-muka baru gandingan komponen Pakatan Rakyat (PR) yang terdiri dari pelbagai profesion seperti peguam, ahli perniagaan, badan bukan kerajaan (NGO) dan Orang Kurang Upaya.

Dalam ucapannya Tuan YDP menyeru Ahli Majlis untuk menjalankan tugas dengan penuh komited dan semangat bekerjasama. "MPS amat berharap agar Ahli-Ahli Majlis dapat memberikan pandangan dan pendapat ke arah kebalkan bersama. Saya percaya dengan gabungan Ahli Majlis yang

terdiri dari pelbagai profesion akan dapat membantu MPS untuk mencapai matlamat yang telah ditetapkan seiring dengan hasrat kerajaan negeri."

Selapas majlis tersebut, Mesyuarat Penuh Bil. 2/2008 telah diadakan. Dalam mesyuarat tersebut, MPS telah membentuk 7 jawatankuasa kecil iaitu Kewangan; Perkhidmatan dan Pejawatan; Pelesenan dan Pembangunan Usahawan; Perkhidmatan Bandar, Lalulintas dan Pelancongan; Penswastaaan dan Pelaburan; Pembangunan Insan, Sukan dan Kebudayaan dan Jawatankuasa Pusat Setempat serta sebuah Lembaga Tender.

### Menarik didalam



3 Angkat Sumpah AM Seluruh Selangor



4 Anugerah Khidmat Cemerlang 2007



6 Kempen Kibar Jalur Gemilang



7 Karnival Sukan Bermatia Merdeka



11 2,000 Serbu Tasik KUB, Rawang

## Sidang Redaksi

Penasihat  
**Tn. Zainal Abidin Bin Azim**  
Yang Dipertua

**Tn. Hj. Jamil Bin Basni**  
Tim. Yang Dipertua/Seliasusaha

Ketua Pengarang  
**En. Mohamad Zin Masood**

Pen. Ketua Pengarang  
**Cik Helda Syima bt. Abu Talab**

Pengarang  
**Cik Noor Fifi Fadzira bt. Roslan**

Jurugambar  
**Cik Anissapinah Bt Mohd Dan**

Edaran  
**Jabatan Perhubungan Awam  
Dan Perancangan Korporat**

### Pejabat Cawangan MPS

**Cawangan Rawang**  
Jalan Bandar Rawang 2,  
Bandar Baru Rawang,  
48000 Rawang,  
Selangor Darul Ehsan,  
03-6092 7071

**Cawangan Kepong**  
Jalan Utama,  
Taman Wangsa Permai,  
52200 Kepong,  
Selangor Darul Ehsan,  
03-6277 9457

**Cawangan Gombak**  
Dewan Beringin,  
Taman Sri Gombak,  
68100 Batu Caves,  
Selangor Darul Ehsan,  
03-6188 3255

**Majlis Perbandaran Selayang**  
Persiaran 3, Bandar Baru Selayang,  
68100 Batu Caves,  
Selangor Darul Ehsan,  
Tel : 03-6120 4903 / 4 / 6  
Faks : 03-6138 8933  
Email : [selayangmesra@mps.gov.my](mailto:selayangmesra@mps.gov.my)  
[http : //www.mps.gov.my](http://www.mps.gov.my)

\*Perhatian: Semua pendapat dan buah fikiran Selayangku Sayang tidak semestinya merupakan pendapat rami MPS.

## Dari Meja YDP

Pertama sekali saya ingin mengucapkan tahniah kepada seluruh Ahli Majlis yang telah di pilih oleh parti dan kerajaan untuk memikul amanah sebagai Ahli Majlis bagi tempoh satu tahun mulai 1hb Julai 2008-30hb Jun 2009.

Majlis juga ingin merakamkan ucapan terima kasih kepada Ahli-Ahli Majlis bagi sesi 2004-2006 yang telah memberikan kerjasama yang padu dan komitmen yang tinggi sepanjang perkhidmatan mereka. Semoga segala usaha dan kerjasama tersebut akan dapat dipertingkatkan untuk kebajikan MPS dan penduduk setempat khususnya.

Sebagai pihak berkuasa tempatan, tidak dapat dinafikan pelbagai isu dan masalah yang terpaksa dihadapi oleh MPS dalam melaksanakan fungsi-fungsinya. Namun saya percaya dengan kerjasama semua Ahli-Ahli Majlis dan warga MPS sekaligus maka dapatlah kita menyahut visi untuk menjadikan Selayang bersih, indah, selamat, selesa dan bangga untuk dilalui.

Untuk mencapai kecekapan dan kekesan organisasi, MPS sentiasa akan berusaha membentuk dan mengamalkan budaya kerja yang cemerlang serta dapat membuat penyesuaian (adaptation) bagi menghadapi perubahan-perubahan persekitarannya. Bagi membentuk budaya organisasi yang baik, nilai-nilai murni perlu diterapkan bukan sahaja di kalangan kakitangan tetapi juga Ahli-Ahli Majlis. Nilai-nilai yang dimaksudkan ialah integriti, kejujuran intelektual, neutraliti dan akauntabiliti.

Saya amat mengharapkan pandangan yang positif di samping kerjasama dan semangat kerja berpasukan dari Ahli-Ahli Majlis bagi merealisasikan segala perancangan dan pembangunan mencapai sasarannya.

Sebagai Ahli Majlis, kita bukan sahaja mewakili sesuatu kawasan tertentu tetapi, tugas dan tanggungjawab kita adalah meliputi keseluruhan kawasan pentadbiran majlis. Oleh itu, pemikiran dan pandangan Ahli Majlis haruslah lebih terbuka dan meliputi keseluruhan kawasan pentadbiran dan tidak terkongkong dengan memberi pandangan yang menjerus di kawasan yang disekelilingnya.

Sebagai Ahli Majlis juga, kita bertanggungjawab untuk mendukung dan mematuhi segala undang-undang, dasar-dasar dan keputusan yang telah dibuat bersama melalui mesyuarat.



Untuk itu, semua Ahli-Ahli Majlis telah pun diberikan Perintah Tetap (Mesyuarat) Majlis Perbandaran Selayang 2007 di bawah Akta Kerajaan Tempatan 1976.

Seperti yang diperuntukkan dalam Seksyen 28, Akta Kerajaan Tempatan 1976- Akta 171, MPS telah melantik Ahli-Ahli Majlis bagi tujuh jawatankuasa kecil iaitu Jawatankuasa Kecil Kewangan, Jawatankuasa Kecil OSC, Jawatankuasa Kecil Perjawatan & Perkhidmatan, Jawatankuasa Kecil Pelesenan & Pembangunan Usahawan, Jawatankuasa Kecil Perkhidmatan Bandar, Lalulintas & Pelancongan, Jawatankuasa Kecil Pelaburan & Penawasaan Serta Jawatankuasa Kecil Pembangunan Insan, Sukan & Kebudayaan.

Institut Latihan Pihak Berkuasa Tempatan Negeri Selangor telah menganjurkan kursus kepada semua Ahli-Ahli Majlis Selangor secara berperingkat mulai 14hb Julai 2008 di Morib. MPS juga telah turut mengadakan kursus dan pengendalian mengenai MPS pada 23hb - 25hb Julai 2008. Diharapkan kursus sebegini akan dapat merapatkan hubungan dan memberi pendedahan yang lebih baik dan jelas mengenai tugas serta tanggungjawab masing-masing.

Sekian, terima kasih.

**ZAINAL ABIDIN BIN AZIM**  
YANG DIPERTUA  
MAJLIS PERBANDARAN SELAYANG

## PERSIDANGAN AHLI MAJLIS PBT SELANGOR



Persidangan Ahli Majlis Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) seluruh Negeri Selangor bagi penggal 2008/2009 telah diadakan pada 5hb Julai 2008 di Dewan Jubli Perak, Shah Alam.

Seramai 288 Ahli Majlis dari 12 Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) telah hadir di majlis tersebut.



Beliau juga menyeru PBT untuk meningkatkan kualiti dan mutu sistem penyampaian dan sentiasa berusaha untuk menambahkan pendapatan PBT dan mengamalkan perbelanjaan berhemah. PBT hendaklah memastikan setiap perbelanjaan yang digunakan memberi manfaat kepada rakyat khususnya yang telah membayar cukai laksian.

YAB Dato' Menteri Besar Selangor telah menyampaikan siji perantikan kepada semua Ahli Majlis.

Dalam ucapannya, YAB Tan Sri Abdul Khalid Ibrahim, Dato' Menteri Besar Selangor menegaskan ahli-ahli bertanggungjawab untuk menjaga imej PBT di Negeri Selangor. Ahli-Ahli Majlis yang dilantik adalah mewakili kerajaan Pakatan Rakyat dan seluruh rakyat Negeri Selangor yang berperanan untuk membeli kesejahteraan dan keharmonian di Negeri Selangor.



# Anugerah Khidmat Cemerlang MPS 2007



Penerima AKC 2007 bersama Tuan YDP.

Melalui Anugerah Khidmat Cemerlang (AKC) MPS 2007 telah diadakan pada 28hb. Ogos 2008 bertempat di Lobi Menara MPS.

Seramai 63 orang penerima AKC, 14 orang menerima Anugerah Khidmat

Lama dan 6 orang menerima Insentif umrah.

Selain itu 8 orang penerima pengurniaan pingat sempena Ulang Tahun Keputeraan DYMM Sultan Selangor Yang Ke-62 dan 3 orang penerima Pingat Persekutuan telah turut diraikan.

Anak-anak kakitangan yang mencapai kejayaan cemerlang dalam peperiksaan UPSR, PMR dan SPM turut diberi insentif.

Tuan YDP telah hadir dan menyampaikan siji penghargaan kepada para penerima.

## Anugerah Khidmat Cemerlang

Nama	Jawatan
Az'har b. Samsul	Akauntan W48, Jabatan Perbendaharaan
Norahima bt. Norlan	Pegawai Penilaian W44, Jabatan Penilaian & Pengurusan Harta
Norsakin b. Mohd Nor	Pembantu Teknik J29, Jabatan Perancang Bandar & Pembangunan
Mohd Aszwir b. Mohd Sabliuddin	Penolong Pegawai Perancang J29, Jabatan Perancang Bandar & Pembangunan
Alshah bt. Zabar	Pembantu Teknik J29, Bahagian Perolehan
Helda Syima bt. Abu Talab	Penolong Pegawai Penerangan S27, Jabatan Perhubungan Awam & Perancangan Korporat
Siti Noramila bt. Mohd Rasidhib	Penolong Akauntan W27, Jabatan Perbendaharaan
Nur Suhana bt. Sulaiman	Pembantu Tadbir N17, Jabatan Khidmat Pengurusan
Salina bt. Mohd Ludin	Pembantu Tadbir N17, Jabatan Khidmat Pengurusan
Imaliy@Mohd Nuh b. Samin	Pembantu Tadbir N17, Jabatan Perhubungan Awam & Perancangan Korporat
Shahriman b. Shahrudin	Pembantu Tadbir N17, Jabatan Perbendaharaan
Yuznieda bt. Shukri	Juruteknik Komputer FT17, Bahagian Teknologi Maklumat, Jabatan Perbendaharaan
Rashidah bt. Zainal	Pembantu Penilaian W17, Jabatan Penilaian & Pengurusan Harta
Norazlina bt. Hamzah	Pembantu Penilaian W17, Jabatan Pengurusan Harta
Nor Azlina bt. Hamzah	Pembantu Tadbir N17, Jabatan Pengurusan Harta
Alliqah bt. Yahya	Pembantu Tadbir N17, Jabatan Kesihatan & Pelesenan
Norainna bt. Mohd Nor	Pembantu Tadbir N17, Jabatan Kesihatan & Pelesenan
Mohd Fitri b. Sulaiman	Pembantu Penguatkuasa N17, Jabatan Kejuruteraan
Mohamad Khuab b. Abu Othman	Juruteknik J17, Jabatan Kejuruteraan

Syed Mohamad Nor Putera b. Syed Abdul Talib	Pembantu Tadbir N17, Jabatan Perancang Bandar & Pembangunan
Mohd Nadai b. Othman	Pembantu Penguatkuasa N17, Jabatan Perancang Bandar & Pembangunan
Muhammad Fihri b. Othman	Juruteknik J17, Jabatan Perancang Bandar & Pembangunan
Zalul Najib b. Mansor	Pembantu Penguatkuasa N17, Jabatan Penguatkuasaan & Keselamatan
Rosyahil b. Shamsuddin	Pembantu Penguatkuasa N17, Jabatan Penguatkuasaan & Keselamatan
Nor Azlah bt. Mohamad Badaruddin	Pembantu Penguatkuasa N17, Jabatan Penguatkuasaan & Keselamatan
Sheikh Mohd Muammarqadafee b. Mohd Iham	Pembantu Penguatkuasa N17, Jabatan Penguatkuasaan & Keselamatan
Salful Bahari b. Yusof	Pembantu Penguatkuasa N17, Jabatan Penguatkuasaan & Keselamatan
<b>Mohd Khalil Afflan b. Mohd Amin</b>	Pembantu Penguatkuasa N17, Jabatan Penguatkuasaan & Keselamatan
Ahmad Fadzil b. Hj. Abd Rahman	Pembantu Penguatkuasa N17, Jabatan Penguatkuasaan & Keselamatan
Mohd Nizam b. Shehidan	Pembantu Penguatkuasa N17, Jabatan Penguatkuasaan & Keselamatan
Mokhtar b. Sidek	Pembantu Penguatkuasa N17, Jabatan Penguatkuasaan & Keselamatan
Shahrulnizam b. Salleh	Pembantu Penguatkuasa N17, Jabatan Penguatkuasaan & Keselamatan
<b>Su@Noor Hafizah bt. Mohamad Laam</b>	Pembantu Tadbir N17, Bahagian Hasil, Jabatan Perbendaharaan
Rosnifa bt. Rosli	Pembantu Tadbir W17, Bahagian Hasil, Jabatan Perbendaharaan
Rokiah bt. Musa	Pembantu Tadbir N17, Bahagian Perundangan
Narfela bt. Hashim	Pembantu Tadbir N17, Bahagian Perolehan
Azlah bt. Kamarulzaman	Pembantu Tadbir, Keseriusahaan N17, Pejabat Yang Dipertua
Hailmah bt. Mohd Haim	Pembantu Tadbir Rendah N11, Jabatan Khidmat Pengurusan
Mohamad Ridza b. Ramli	Pekerja Awam R1, Jabatan Khidmat Pengurusan
Mohd Huzaimi b. Mohd Adnan	Pekerja Awam R1, Jabatan Khidmat Pengurusan
Mohd Fadhl b. Kamal Amar	Pekerja Awam R1, Jabatan Khidmat Pengurusan
Mohd Fauz b. Baharum	Pemandu Kenderaan R6, Jabatan Khidmat Pengurusan
Roslan b. Ibrahim	Pembantu Am Rendah N1, Jabatan Perhubungan Awam & Perancangan Korporat
Kamariah bt. Kamal	Operator Prosesan Data, Jabatan Perbendaharaan
Abdul Kader b. Samin	Pekerja Awam R1, Jabatan Kesihatan & Pelesenan
Farid Saffuan b. Azli	Pekerja Awam R1, Jabatan Kesihatan & Pelesenan
Subramaniam A/L Pichamuthu	Pekerja Awam R1, Jabatan Kesihatan & Pelesenan
Muhammad Padli b. Panah	Pekerja Awam R1, Jabatan Kesihatan & Pelesenan
Kalaiselvam A/L Balikrishna	Pekerja Awam R1, Jabatan Kesihatan & Pelesenan
Suppaya A/L Mariappan	Pekerja Awam R1, Jabatan Kesihatan & Pelesenan
Mohd Shafiq b. Ismail	Pembantu Tadbir Rendah N11, Jabatan Kesihatan & Pelesenan
Abdul Mutalib b. Katap	Pemandu Kenderaan R3, Jabatan Kejuruteraan
Jamaluddin b. Ismail	Pemandu Kenderaan R3, Jabatan Kejuruteraan
Rahim b. Sairi	Pekerja Awam R1, Jabatan Kejuruteraan
Ramil b. Jaafar	Pekerja Awam R1, Jabatan Perancang Bandar
Verasinggam A/L Maniam	Pemandu Kenderaan R3, Jabatan Perancang Bandar
Mohd Saif b. Samat	Pekerja Awam R1, Jabatan Perancang Bandar
Osman Jallani b. Adam	Pekerja Awam R1, Jabatan Perancang Bandar
Ishan b. Ismail	Pengawal KP11, Jabatan Penguatkuasaan & Keselamatan
Mohamad Nazli b. Saad	Pengawal KP11, Jabatan Penguatkuasaan & Keselamatan
<b>Mohamad Ali b. Zulkifli</b>	Pengawal KP11, Jabatan Penguatkuasaan & Keselamatan
Mohamad Nizam b. Masuro	Pengawal KP11, Jabatan Penguatkuasaan & Keselamatan
Muhamad Saiful Azroei b. Abd Rahim	Belp N11, Bahagian Perundangan



## KEMPEN KIBAR JALUR GEMILANG



Untuk memupuk semangat cintakan negara dan menghayati erti kemerdekaan di kalangan warga MPS, satu majlis Kempen Kibar Jalur Gemilang telah diadakan pada 15hb Ogos 2008 di Dataran Ibu Pejabat MP5, Bandar Baru Selangor.

Dalam ucapannya, Tuan YDP menegaskan pentingnya setiap rakyat Malaysia untuk mengenali erti kemerdekaan dan tujuan lanya disambut. Kesedaran itu perlu ditimbulkan khususnya kepada golongan muda dan generasi kini yang semakin lupa dengan nilai-nilai perjuangan kemerdekaan.

Sehubungan dengan itu, beliau menyeru kepada seluruh warga MPS



untuk mengibar jalur gemilang di seluruh premis dan juga kenderaan masing-masing sebagai tanda menghargai kemerdekaan yang dikecapi.

Dalam kempen tersebut, Tuan YDP telah menyerahkan bendera kepada Ahli-Ahli Majlis, wakil-wakil agensi kerajaan, swasta dan badan-badan bukan kerajaan.

Tuan YDP dan Ahli-Ahli Majlis telah memasang bendera di kereta Pesisatuan Pemilik-pemilik Proton Perdana Kuala Lumpur & Selangor (PROPERD) yang akan berkonvoi ke Majlis Perbandaran Taiping sempena dengan sambutan Bulan Kemerdekaan.



## KARNIVAL SUKAN BERMOTOR MERDEKA

Sempena dengan sambutan Hari Kebangsaan ke-51, Biro Ekonomi KSDK dengan kerjasama MPS telah menganjurkan Karnival Sukan Bermotor Merdeka pada 23hb Ogos 2008 di Industri Bersepadu Rawang, Rawang.



YB Tuan Amiruddin melawat pameran kereta.



Tuan YDP mengetuai konvoi motosikal berkuasa tinggi.



Peserta konvoi.

Acara dimulakan dengan konvoi yang berarak dari Ibu Pejabat MPS ke tapak karnival. Konvoi yang diketuai Tuan YDP adalah terdiri dari motosikal berkuasa tinggi, kelab kereta Mitsubishi Lancer, Proton Waja dan Proton Kancil. Semua kenderaan telah dihias dengan Jalur Gemilang sebagai menyemarakkan lagi sambutan kemerdekaan.

YB Tuan Amiruddin Sahari, ADUN Batu Caves selaku Timbalan Pengerusi Majlis Sukan Negeri Selangor telah merasmikan karnival tersebut. Dalam ucapannya, beliau amat berbangga dengan usaha yang dilakukan oleh

penganjur yang mengatur program yang khusus untuk golongan muda terutama yang berminat di bidang pemotoran.

Selain pameran dan jualan, pertandingan drag telah diadakan dengan pelbagai kategori. Sambutan yang ditelima amat menggalakkan. Tuan YDP telah menyampaikan hadiah kepada para pemenang di akhir acara.



## SAMBUTAN AMBANG MERDEKA 2008



Sempena sambutan Ambang Merdeka 2008 peringkat Negeri Selangor, MPS telah menyertai acara perbarisan dengan kontinjen seramai 40 orang yang terdiri dari kakitangan pelbagai jabatan.

Selain agensi kerajaan, pelbagai pihak swasta dan badan bukan kerajaan telah turut serta dalam acara perbarisan.



Para hadirin telah dihiburkan dengan persembahan kebudayaan dan bunga api. Kira-kira 10,000 orang telah membanjiri Dataran Shah Alam.



Kontinjen MPS melakukan lintas hormat.





**Tuan Zaini Yari**



**Tuan Hj. Iimbakan**



**YAD. Datuk Paduka Raja Datuk Hj. Wan Mahmood b. Pa'wan Teh**  
Ahli Jawatankuasa Kecil  
Kewangan; Perkhidmatan Bandar, Laju Lintas & Pelancongan; Pembangunan Insan, Sukan & Kebudayaan



**Tn. Abdul Rahim b. Abdul Wahab**  
Ahli Jawatankuasa Kecil  
Kewangan; Pelaburan & Pensiwastaan



**Tn. Kuan Perk Siong**  
Ahli Jawatankuasa Kecil  
Kewangan; Perkhidmatan & Perjawatan; Perkhidmatan Bandar, Laju Lintas & Pelancongan; Pelaburan & Pensiwastaan



**Tn. Mohamad b. Abdul Rahman**  
Ahli Jawatankuasa Kecil  
Pelesenan & Pembangunan; Pelaburan & Pensiwastaan



**Tn. Lim Ching How**  
Ahli Jawatankuasa Kecil  
Kewangan; Pelesenan & Pembangunan Usahawan; Perkhidmatan Bandar, Pelaburan & Pensiwastaan



**Tn. Nanto Gopalan Krisnan a/l Rajoo**  
Ahli Jawatankuasa Kecil  
Perkhidmatan Bandar, Laju Lintas & Pelancongan; Pelaburan & Pensiwastaan; Pembangunan Insan, Sukan & Kebudayaan



**Pn. Gurdip Kaur a/p Pritam Singh**  
Ahli Jawatankuasa Kecil  
Kewangan; Perkhidmatan Bandar, Laju Lintas & Pelancongan; Pelaburan & Pensiwastaan



**Tn. Shamsudin b. A. Rahman**  
Ahli Jawatankuasa Kecil  
Kewangan; Perjawatan & Perkhidmatan; Pembangunan Insan, Sukan & Kebudayaan



**Tn. Zulnizam b. Shahrani**  
Ahli Jawatankuasa Pelesenan & Pembangunan Usahawan; Perkhidmatan Bandar, Laju Lintas & Pelancongan; Pelaburan & Pensiwastaan



**Tn. Dr. Ramli b. Jusoh**  
Ahli Jawatankuasa  
Perjawatan & Perkhidmatan; Perkhidmatan Bandar, Laju Lintas & Pelancongan; Pembangunan Insan, Sukan & Kebudayaan



**Tn. Tan Kian Boo**  
Ahli Jawatankuasa Pelesenan & Pembangunan Usahawan; Perkhidmatan Bandar, Laju Lintas & Pelancongan; Pelaburan & Pensiwastaan



**Tn. Chee Chu Sang**  
Ahli Jawatankuasa Kecil  
Kewangan, Pelesenan & Pembangunan Usahawan; Perkhidmatan Bandar, Laju Lintas & Pelancongan



**I. Abidin b. Azim**  
Yang Dipertua



**Jamri b. Basni**  
Yang Dipertua



**YBhg. Dato' Hj. Mazlan b. Hassan**  
Ahli Jawatankuasa  
Perjawatan & Perkhidmatan;  
Pelesenan & pembangunan  
Usahawan; Pekebunan &  
Penswastaan



**Tn. Murugan @ Murugesu  
a/l Arumugam**  
Ahli Jawatankuasa Kecil  
Pelesenan & Pembangunan  
Usahawan; Perkhidmatan  
Bandar, Lalu Lintas &  
Pelancongan



**Tn. Hasbullah b. Mohd.  
Ridwan**  
Ahli Jawatankuasa Kecil  
Kewangan; Pelesenan &  
Pembangunan Usahawan;  
Pembangunan Insan, Sukan &  
Kebudayaan



**Tn. A. Rahim b. Ahmad  
Kasdi**  
Ahli Jawatankuasa Kecil  
Pelesenan & Pembangunan  
Usahawan; Perkhidmatan  
Bandar, Lalu Lintas &  
Pelancongan; Pelaburan &  
Penswastaan



**YBhg. Prof Madya Sr. Dr.  
Husin B. Mohd Dini**  
Ahli Jawatankuasa Kecil  
Kewangan; Perkhidmatan  
Bandar, Lalu Lintas &  
Pelancongan; Pembangunan  
Insan/Sukan & Kebudayaan



**Pn. Maznah bt. Abd Aziz**  
Ahli Jawatankuasa Kecil  
Perjawatan & Perkhidmatan;  
Pelesenan & Pembangunan  
Usahawan; Pembangunan  
Insan, Sukan & Kebudayaan



**Pn. Khalifah Zamani bt.  
Sulong**  
Ahli Jawatankuasa Kecil  
Perjawatan & Perkhidmatan;  
Pelaburan & Penswastaan;  
Pembangunan Insan, Sukan &  
Kebudayaan



**Tn. Ir. A. Rashid b. Omar**  
Ahli Jawatankuasa Kecil  
Perjawatan & Perkhidmatan;  
Pelesenan & Pembangunan  
Usahawan; Perkhidmatan  
Bandar, Lalu Lintas &  
Pelancongan



**Tn. Tan Hui Chuan**  
Ahli Jawatankuasa Kecil  
Pelaburan & Penswastaan



**Tn. Md. Sabri b. Md. Taib**  
Ahli Jawatankuasa Kecil  
Kewangan; Perkhidmatan  
Bandar, Lalu Lintas &  
Pelancongan; Pelaburan &  
Penswastaan



**Tn. Zulkifli b. Hamzah**  
Ahli Jawatankuasa Kecil  
Perjawatan & Perkhidmatan;  
Pelesenan & Pembangunan  
Usahawan; Pembangunan  
Insan, Sukan & Kebudayaan



**Pn. Lim Jit Lee**  
Ahli Jawatankuasa Kecil  
Kewangan; Pelesenan &  
Pembangunan Usahawan;  
Perkhidmatan Bandar, Lalu  
Lintas & Pelancongan

## KURSUS PENGENALAN DAN PEMANTAPAN PERANAN AHLI MAJLIS

Kursus Pengenalan dan Pemantapan Peranan Ahli Majlis sesi 2008-2009 telah diadakan pada 23hb - 25hb Julai 2008 di Hotel Crystal Crown, Kuala Lumpur.



Tuan YDP menyampaikan cenderamata kepada YB Tuan Iskandar b. Abd. Samad.

Objektif utama kursus ini ialah untuk memberi pendedahan serta peluang kepada Ahli-Ahli Majlis untuk bertukar-tukar pendapat dan mempelajari peranan dan tanggungjawab Ahli Majlis.

YB Tuan Iskandar b. Abdul Samad, EXCO Perumahan, Pengurusan Bangunan dan Selinggan Negeri Selangor telah merasmikan kursus tersebut. Dalam ucapannya beliau menyatakan tingginya harapan kerajaan negeri kepada Ahli-Ahli Majlis untuk memainkan peranan dan tanggungjawab sesuai dengan kehendak dan aspirasi kerajaan negeri. Ianya hendaklah selaras dengan misi kerajaan negeri ke arah negeri maju, membangun serta berkeadilan.

Selain pembentangan kertas kerja, sesi percambahan fikiran dan pembentangan resolusi turut diadakan di antara Ahli Majlis dan pihak pengurusan.

Antara pembentang kertas kerja ialah Mej. (B) Darwis Hj Mohamad dari Learning & Training Consultant dengan



Sesi soal kenal.



Peserta kursus bergambar bersama YB Tuan Iskandar b. Abd. Samad.



Mej. (B) Darwis Hj Mohamad.

tajud "Motivasi: Cabaran Sebagai Ahli Majlis Dalam Senario Politik Semasa".

Seterusnya Tuan Hj Slamet Hamzah, Setiausaha MPSJ telah membentangkan kertas kerja "Peranan dan Fungsi Ahli Majlis".

Ahli Majlis juga telah diberi penerangan berkaitan Jawatankuasa Penduduk (JKP) oleh En. Mohamad Zin Masood, Pengarah Perhubungan Awam dan Perancangan Korporat MPS.

Dalam kursus tersebut Ahli-Ahli Majlis dan pihak pengurusan telah dibahagikan kepada empat kumpulan yang diberi topik yang berkaitan usaha-usaha

untuk menambahkan perkhidmatan, kegiatan sukan dan kemasyarakatan dan menambah sumber pendapat MPS.



Tuan Kuan Perk Siong menyampaikan cenderamata kepada Tuan Hj Slamet Hamzah.

Pada hari terakhir, sesi pembentangan kertas kerja kumpulan telah diadakan dengan dikuli sesi soal jawab.

Tuan YDP telah menutup rasmi kursus dengan menyampaikan sijil penyertaan kepada para peserta.



Sesi percambahan fikiran secara berkumpulan dibuat pada waktu malam.

## 2,000 SERBU TAMAN TASIK KUB

Seramai kira-kira 2,000 orang telah membanjiri Taman Tasik KUB Rawang sempena Pertandingan Memancing Terbuka Selayang 2008 pada 1hb Mei 2008.

Pertandingan tersebut adalah anjuran MPS dengan kerjasama Wak Jali Event Management.

Seramai 812 orang pemancing telah mengambil bahagian untuk merebut hadiah-hadiah yang berjumlah RM21,400.

Selain pertandingan, pameran dan jualan peralatan memancing serta jualan makanan dan minuman



Tuan YDP melihat hasil tangkapan para pemancing.

telah turut diadakan sepanjang hari tersebut.

Pemancing yang datang dari seluruh negara telah turut ditemani anggota keluarga dengan mendirikan khemah sebagai tempat untuk berehat.



YB Wilian Leong Jee Keen, YB Gan Pei Nei dan Tuan YDP bersama para pemenang.



Seekor keli afrika yang telah berjaya dinaikkan.

YB Wilian Leong Jee Keen, Ahli Parlimen Selayang telah hadir bagi mewakili YAB Dato' Menteri Besar Selangor menyatakan bahawa aktiviti memancing adalah salah satu kegiatan yang menampilkan cara hidup sihat dan dapat mengelak remaja dari kegiatan yang tidak berfaedah.



Gerai jualan alat memancing jadi tumpuan.

Hadiah wang tunai RM12,000 untuk tempat pertama telah digondol oleh En. Mohd. Fauzi Musa. Beliau bersyukur dengan hadiah yang dimenangi yang akan dijadikan sebagai persembahan untuk melangsungkan perkahwinan.

Selain itu, para pemancing juga telah berpeluang untuk memenangi pelbagai cabutan bertuah yang telah disediakan oleh penganjur.



Menanti dengan penuh sabar walau di tengah panas.

## OPS BERSEPADU SAMPAH HARAM DI SG. KERTAS



Operasi bersepadu untuk membanteras tapak pelupusan sampah haram di Kg. Sungai Kertas, Batu Caves telah diadakan pada 7hb Mei 2008.

Operasi telah diketuai oleh Dr. Razif Zainal Abidin, Pengarah Kesihatan dan Pelesenan, MPS. Ianya disertai 80 kakitangan MPS dari Jabatan Penguatkuasa dan Keselamatan, Jabatan Kesihatan dan Pelesenan dan Jabatan Bangunan, Pejabat Tanah Daerah Gombak, anggota Polis dan Jabatan Alam Sekitar.

Turut merinjau dalam operasi tersebut ialah YB Tuan Amiruddin Sahari, ADUN Batu Caves dan Tuan YDP, MPS.

Berikutan operasi yang dijalankan, Tuan YDP memohon kejjasama orang ramai untuk melapor sebarang



kegiatan pembuangan sampah secara haram. "Walaupun kita menutup kawasan pembuangan sampah ini, saya percaya ada pihak yang tidak bertanggungjawab akan cuba untuk menjalankan aktiviti ini semula."



Sebelum tindakan ini, MPS telah beberapa kali mengambil tindakan mengeluarkan notis, membina halangan dan sebagainya, namun ianya berulang.

**Bangsai setinggan turut diroboh.**

*Dr. Razif selaku ketua operasi memberi penerangan kepada YB Tuan Amiruddin.*

Untuk memastikan pihak berkenaan tidak lagi menjalankan kegiatan terbabit, pihak MPS telah berfikir merampas 2 jentera di samping merobohkan tujuh buah bangsal dan sepuluh buah rumah selinggan yang mendiami kawasan sampah itu.

Bagi tujuan menghalang taluan ke tapak tersebut, MPS telah membina penghadang kekal di samping membuat rondaan secara berkala.

## OPS TEMBAK GAGAK

Berikutan aduan orang ramai berkaitan kebanjiran burung gagak, Jabatan Kesihatan MPS telah mengadakan satu Operasi Menembak Gagak pada 2hb Ogos 2008.

Seramai 57 orang penembak telah turut mengambil bahagian yang terdiri dari persatuan menembak dan individu. Operasi ini telah mendapat bantuan pihak Polis Diraja Malaysia yang telah membuat pemeriksaan dan pengesahan lesen senjata.

Operasi tersebut telah berjaya menembak sebanyak 1,719 ekor burung gagak.



*YBhg Dato' Mazlan Hassan, Ahli Majlis MPS turut serta dalam operasi.*

Kawasan operasi adalah meliputi Bandar Baru Selayang, Selayang Baru, Taman Seri Gombak, Bandar Country Homes, Rawang dan Batu Arang.

*Gagak yang berjaya ditembak.*



*Kerja-kerja pelupusan kakus gagak.*

## CARI HARTA KARUN



Teraka MPS Cari Harta Karun telah diadakan pada 27hb Jun 2008. Program anjuran Biro Rekreasi KSDK MPS telah mendapat sambutan dengan 35 buah kereta menyertai program tersebut.

Pasukan dari Bahagian Undang-undang telah menjadi juara dengan menggondal wang tunai RM1,000. Tempat kedua dimenangi Jabatan Bahagian Teknologi Maklumat dengan wang



tunai RM500 manakala tempat ketiga dengan hadiah wang tunai RM300 dimenangi Jabatan Perancang Bandar.



Selain itu, pertandingan mewarna untuk kanak-kanak turut diadakan dengan hadiah-hadiah yang menarik.



## RINGKAS

### SKT Dan Penyediaan Bajet 2009

Mesyuarat Sasaran Kerja Tahunan (SKT) dan Penyediaan Bajet 2009 telah diadakan pada 12hb - 13hb Ogos 2008 di Peransang Tempier Golf Club, Rawang.



Perbincangan tersebut telah dihadiri pengarah, pegawai dan ketua kerani setiap jabatan dengan Tuan YDP sebagai pengerusi.

pencapaian Januari - Jun 2008.

Seterusnya menyusun semua program dan perancangan jabatan untuk diselarasakan dan dilaksanakan pada tahun 2009.

Tujuan perbincangan ini diadakan adalah untuk membenteng dan menilai

### Turun Padang Bersama BPA



Mei 2008.

Pengarah BPA Cawangan Tengah, En. Asmawar Samad telah mengetuai lawatan tersebut.

Biro Pengaduan Awam (BPA) Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur/Selangor telah mengadakan lawatan turun padang ke atas aduan yang diterima dari orang awam di kawasan MPS pada 15hb

Antara kawasan yang dilawati ialah perniagaan mencuci kereta di Selayang Baru, tapak cadangan pembangunan pasar raya di Rawang dan isu banjir di Taman Garing dan Taman Hijau di Rawang.

### Kursus Pra Perkahwinan

Biro Agama KSDK dengan kerjasama Jabatan Agama Islam Selangor Daerah Gombak telah menganjurkan Kursus Pra Perkahwinan pada 14hb Jun 2008 di Bilik Santan, Kompleks MPS.



Objektif kursus ialah untuk memberi kemudahan kepada kakitangan yang

Seramai 89 orang kakitangan dari pelbagai jabatan di MPS telah menghadiri kursus tersebut.

belum mendirikan rumah tangga untuk membuat persiapan untuk menempuh alam perkahwinan.

## SELAMAT BERTUGAS

MPS ingin mengucapkan tahniah dan selamat bertugas kepada kakitangan yang baru dilantik. Adalah diharapkan, kita akan dapat menjalankan tugas dengan penuh itiqam, berdisiplin, bekerjasama dan saling hormat menghormati demi meningkatkan mutu perkhidmatan kepada seluruh Warga MPS.

### Kakitangan Baru

Nama	Jawatan	Tarikh Lanfikan
Saharuddin b. Abd Hamid	Pembantu Teknik (Seni Bina)	06.06.2008
Saedah bt. Zakaria	Juruteknik (Seni Bina)	06.06.2008
Imanur Helmi b. Ismail	Pembantu Am Pejabat (N1)	06.06.2008
Mahd Zhariff b. Mahd Jaafar	Juruteknik (J17)	07.07.2008
Aminuddin b. Husien	Pegawai Penilaian (W44)	11.08.2008
Mahd Daut b. Abd Talip	Pembantu Am Pejabat (N1)	16.08.2008

## SELAMAT BERSARA

Kepada kakitangan yang bersara, MPS ingin merakamkan ucapan terima kasih atas sumbangan dan khidmat yang telah dicurahkan. Semoga segala pengalaman semasa bertugas dapat dijadikan panduan.

### Kakitangan Bersara

Nama	Jawatan	Tarikh
Jusa b. Nordin	Pekerja Rendah Awam	18.05.2008
Balathurven a/I Gopal	Pekerja Rendah Awam	02.06.2008
Haran bin Zukify	Pekerja Rendah Awam	01.08.2008

## INSENTIF KAKITANGAN

Sebagai menghargai khidmat yang cemerlang dan setia kepada tugas, MPS telah memutuskan untuk memberikan insentif kepada kakitangan. Insentif tersebut adalah untuk kakitangan yang telah mendapat **Anugerah Khidmat Cemerlang** dan **berkhidmat melebihi 25 tahun**. Ianya adalah merupakan mengerjakan ibadah Umrah kepada kakitangan yang beragama Islam manakala kakitangan berketurunan India diberi peluang melawat Negara India.

### Insentif Umrah

Nama	Jawatan
Makhtar b. Sidek	Pembantu Penguatkuasa N17
Roslan b. Ibrahim	Pembantu Am Pejabat N1
Jamaluddin b. Ismail	Pemandu Kenderaan R3
Rahim b. Saif	Pekerja Awam R1
Mahd Saif b. Samat	Pekerja Awam R1
Fauzi b. Bahrum	Pemandu Kenderaan R6

## TURUN PADANG

Aktiviti pembersihan sampah secara haram turut dikesan di belakang Jalan SG 9/8, Taman Seri Gombak. Sehubungan dengan itu, Tuan YDP dan pemilik tanah telah melawat kawasan tersebut pada 16hb Julai 2008.

Menurut Tuan YDP, adalah menjadi tanggungjawab



pemilik tanah untuk memastikan tanah mereka tidak diceroboh.

Lawatan seterusnya ialah kacau ganggu tokong tanpa kebenaran di Taman Rawang Perdana 2. Pemilik tokong telah diberi notis untuk tindakan meroboh struktur tanpa kebenaran.



Lawatan untuk melihat dewan-dewan yang dibina di atas tanah kerajaan telah diadakan pada 4hb Ogos 2008.

Lawatan ini telah dilakukan sekitar Taman Seri Gombak, Taman Desa Minang, Taman Berlian, Simpang 3 Gombak, Taman Berjaya dan Taman Selasih.

Tuan Timbalan YDP mengetuai lawatan dengan diikuti Ahli Majlis Kawasan tersebut, Puan Maznah Abd. Aziz dan Puan Khalifah Sulong.

Tujuan lawatan ialah untuk melihat keadaan dewan tersebut untuk ditadbir oleh MPS bagi tujuan kegiatan Jawatankuasa Penduduk.



Lawatan untuk pemeriksaan ke dewan-dewan diteruskan pada 8hb Ogos 2008 ke kawasan Taman Samudera, Taman Selasih, Bt. 7 Jalan Gombak dan Bt. 8 Jalan Gombak.

Lawatan Tuan Timbalan YDP disertai Pegawai Khas ADUN Gombak Setia. Turut sama dalam lawatan ialah pengarah dan pegawai dari Jabatan Khidmat Pengurusan, Jabatan Bangunan, Jabatan Kejuruteraan, Jabatan Perancang Bandar dan Jabatan Penilaian dan Pengurusan Harta.



Lawatan turun padang Tuan Timbalan YDP bersama Puan Lim Jit Lee, Ahli Majlis Zon 23 telah diadakan pada 29hb Ogos 2008 ke kawasan sekitar Taman Desa Jaya.

Antara tempat yang dilawati ialah bengkel yang dibina di atas tapak kediaman. Seterusnya mereka telah dibawa melawat ke kawasan pembangunan

baru yang telah membina jalan keluar masuk tanpa kebenaran MPS.

Akhir sekali, lawatan dibuat ke dewan-dewan yang dibina di atas tanah kerajaan yang dicadangkan diambil alih oleh MPS dan seterusnya dikelola bagi tujuan kegiatan Jawatankuasa Penduduk.



## HARI BERTEMU PELANGGAN

Program Hari Bertemu Pelanggan diadakan bertujuan untuk menetapkan lagi hubungan MPS dengan para pelanggannya termasuk orang



ramai, pihak pemaaju, para peniaga dan pertubuhan-pertubuhan bukan kerajaan.

Program tersebut diadakan pada setiap bulan di lobi Menara



MPS.

Melalui program tersebut, orang ramai berpeluang untuk mengadakan pertemuan bersama Tuan YDP, Tuan Timbalan YDP

dan Pengarah-pengarah Jabatan untuk menyelesaikan sebarang aduan, masalah atau menyampaikan cadangan kepada pihak MPS.

Dalam program yang diadakan pada 25hb Jun 2008, MPS telah menerima sebanyak 35 kes aduan dan cadangan dari pelanggan.

Manakala pada program yang diadakan pada 30hb Julai 2008, MPS telah menerima sebanyak 33 kes aduan dan penyelesaian masalah pelanggan.



## KEJOHANAN SUKAN ANTARA JABATAN



Sukan antara jabatan MPS anjuran Biro Sukan Kelab Sukan dan Kebajikan (KSDK) MPS, telah diadakan sepanjang bulan Julai hingga Ogos 2008.

pasli bakal-bakal sukan di kalangan kakitangan untuk diketengahkan bagi mewakili MPS dalam kejohanan-kejohanan luar.

Objektif kejohanan ialah untuk merapatkan lagi hubungan antara kakitangan di samping menggalakkan lagi aktiviti sukan di jabatan. Melalui aktiviti ini juga, dapat mengenal

Acara sukan yang dipertandingkan ialah boling, futsal, badminton, sepak takraw dan karom.

Acara	Kategori	Johan	Naib Johan	Ketiga
Boling	Individu Lelaki	Mohd Fadzil A. Rahman	Mohd Haziq Abu Hassan	Mohd Khairul Anuar
	Individu Wanita	Roimah Mohd Sa	Ida Noorahy Alias	Fatima Shaali
	Berpasukan Lelaki	Jab. Penguatkuasa & Keselamatan	Jab. Keshifatan & Pelesenan	Jab. Khidmat Pengurusan
	Berpasukan Wanita	Jab. Kejujuteraan	Jab. Perbendaharaan	Jab. Perancang Bandar & Pembangunan
Futsal	Lelaki	Jab. Penguatkuasa & Keselamatan	Jab. Perbendaharaan/Hasil	Jab. Penguatkuasa & Keselamatan
	Wanita	Jab. Bangunan	Jab. Perilaian & Pengurusan Harta	Jab. Perancang
Badminton	Berpasukan	Jab. Khidmat Pengurusan	Jab. Penguatkuasa	Jab. PR dan Bhgn. Undang-undang
Karom	Beregu Lelaki	Munshi/Khairuddin	Rahman/Khalid	Nasib/Syahid
	Beregu Wanita	Rozlan/Aziah	Nor Aini Rozita	Satina/Suzana
	Individu Lelaki	Munshi Yusof	Abd. Wahab	Ramly
	Individu Wanita	Jamaliah, Ahmad	Sarina	Nor Aini
Sepak Takraw	Veteran	Jab. Keshifatan & Pelesenan	Jab. Kejujuteraan	Jab. Khidmat Pengurusan
	Terbuka	Waraan "A"	Waraan "B"	Dandang Sayang Chinkuak F.C.